



## Jadual pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 11/ 2023 (Novomber Tahun 2023)

تاریخ	تاجوق	بـ
<b>3 November 2023M/ 19 Rabi'ul Akhir 1445H</b>	<b>Integriti Pendokong Kekuatan Ummah</b>	1.
<b>10 November 2023M/ 26 Rabi'ul Akhir 1445H</b>	<b>CHIKADUN</b>	2.
<b>17 November 2023M/ 3 Jamadil Awwal 1445H</b>	<b>Menggali Semangat Al-Jazari</b>	3.
<b>24 November 2023M/ 10 Jamadil Awwal 1445H</b>	<b>Surat Cinta Dari Ilahi</b>	4.
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبيايماءي:



ركأة فولاؤ فينخ

دتربيتكن:



جابتـنـ حالـ إـحـوالـ أـكـامـ اـسـلامـ فـولـاـوـ فيـنـخـ



---

## **Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang**

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Menggali Semangat Al Jazari

17 November 2023M/ 3 Jamadilawwal 1445H

---

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ  
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا  
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاَيَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُؤْمِنُونَ الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Tidak ada nasihat yang paling agung yang ingin diseru daripada atas mimbar yang mulia ini, melainkan untuk mengajak semua muslimin untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan oleh Allah. Semoga kita beroleh ketakwaan yang sebenar di sisi Allah. سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.



Di samping itu, khatib ingin mengingatkan sidang Jumaat sekalian agar memberikan fokus dan mendengar serta menghayati khutbah Jumaat ini, tidak leka bermain gajet, melayan mesej *Whatsapp*, *Facebook*, *Tiktok* dan sebagainya kerana ia boleh mencacatkan pahala Jumaat. Bersempena Hari Profesional Teknikal Negara, marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: “**Menggali Semangat Al Jazari.**”

## **MUSLIMIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Kemajuan teknologi yang dikecapi pada masa kini membawa banyak kebaikan kepada kita semua. Kehidupan menjadi mudah dan senang, sejahtera dan aman serta selesa dan tenang. Pencapaian teknologi yang telah kita perolehi ini adalah sebahagian daripada hasil usaha dan komitmen tanpa berbelah bahagi oleh warga profesion teknikal. Mereka ini adalah warga yang bekerja di bidang teknikal sama ada bidang kejuruteraan, perubatan, perbandaran dan sebagainya. Merekalah yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara dengan mengaplikasikan ilmu untuk kemaslahatan masyarakat. Ia adalah selari dengan saranan Allah ﷺ untuk menggalakkan kita sentiasa berfikir dan berinovasi untuk kebaikan Masyarakat, seperti firman-Nya dalam surah Ali Imran ayat 190-191 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi serta pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berakal. (laitu) orang yang menyebut dan menghayati Allah ketika berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (lalu berkata), “Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau*



*menciptakan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci engkau, maka peliharalah kami daripada azab api neraka.”*

Bahkan, Baginda Rasulullah juga memberi galakan agar umat Islam menghasilkan sesuatu yang bermanfaat buat manusia kepada manusia melalui sabda Baginda ﷺ yang bermaksud:

Daripada Ibn Umar, Nabi ﷺ bersabda: “Manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling memberi manfaat bagi manusia. Adapun amalan yang paling dicintai oleh Allah adalah membuat muslim yang lain bahagia, meringankan kesusasahan orang lain, membiarkan hutangnya atau menghilangkan rasa laparnya. Seandainya aku berjalan bersama saudaraku untuk memenuhi suatu keperluan, maka hal itu lebih aku cintai daripada iktikaf sebulan di masjid ini iaitu Masjid Nabawi di Madinah selama sebulan penuh.”

#### ﴿Hadis Riwayat At-Tabarani﴾

Walau bagaimanapun, teknologi yang dihasilkan hendaklah berasaskan ketaatan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan akal fikiran yang dipandu oleh wahyu Ilahi iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Jika tidak, bencana kerosakan akan berlaku seperti yang diingatkan Allah dalam surah Ar-Rum ayat 41:



ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ إِمَّا كَسَبَتْ أَيْدِيُ النَّاسِ لِيُذْيِقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ

## ٦١ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: “*Telah berlaku kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia (berlaku sedemikian) kerana Allah menghendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan buruk mereka, agar mereka kembali (insaf dan bertaubat).*”

Jika kita mengkaji, Al-Quran telah merakam pelbagai peristiwa kehancuran dan kemusnahan tamadun yang terdahulu walaupun teknologi yang dihasilkan sangat hebat. Contohnya tamadun kaum ‘Aad yang bangunan pencakar langit dan sistem pertanian yang efisyen. Begitu juga tamadun kaum Tsamud yang menghasilkan teknologi ukiran bukit dan gaung yang cantik serta tamadun di zaman Firaun yang menghasilkan bangunan yang sangat hebat iaitu pyramid.

Namun begitu, tamadun-tamadun ini dibinasakan Allah kerana dosa yang dilakukan iaitu mendustakan ayat-ayat Allah, melakukan kezaliman dan penindasan, tidak mensyukuri nikmat Allah dan sebagainya. Firman Allah dalam surah Al- Hajj ayat 45 yang bermaksud:

“*Betapa banyak negeri yang telah Kami binasakan yang penduduknya dalam keadaan zalim. Maka runtuh ranaplah bangunan-bangunannya. Berapa banyak pula telaga yang telah ditinggalkan dan istana yang tersergam (telah kosong ditinggalkan).*”



## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin mengajak sidang hadirin, marilah kita sama-sama mendengar, memerhati dan menghayati sumbangan besar seorang tokoh ahli jurutera zaman keemasan Islam yang bergelar Badiuzzaman Abu Al Izz Al Jazari (بَدِيعُ الزَّمَانِ أَبُو الْعِزْ الْجَزَرِي). Gelaran Badiuzzaman adalah gelaran kehormat yang menunjukkan kedudukan beliau yang amat istimewa dan amat disanjungi. Beliau dilahirkan di sebuah wilayah di sebelah utara Turkiye. Beliau sangat meminati ilmu mekanikal sejak daripada usia kecil lagi.

Selain itu, beliau juga telah menghafaz Al-Quran, hadis, mendalami Bahasa Arab dan ilmu agama. Al Jazari merupakan seorang ilmuan Islam yang tersohor dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan robotik. Hasil daripada penguasaan beliau dalam bidang kejuruteraan mekanikal, Al Jazari diangkat sebagai bapa kejuruteraan moden.

Gelaran Bapa Robotik diberikan kepada beliau kerana telah memperkenalkan dan mencipta cara menghasilkan robot. Lebih 50 reka bentuk beliau telah direkodkan dalam buku “Al Jami’ Bainal Ilmi Wal Amalin Nafi’ Fi Sina’atil Hiyali” (الجامعُ بَيْنِ الْعِلْمِ وَالْعَمَلِ النَّافِعِ فِي صِنَاعَةِ الْحِيَالِ). Kehebatan Al Jazari dikesan oleh datuknya sendiri apabila beliau sering membantu datuknya di ladang kurma. Datuk al Jazari berkata kepada ayahnya: “Kamu tidak perlu melarang anakmu mempelajari ilmu mekanikal itu, kerana dia akan menjadi ilmuan yang berjasa kepada masyarakat di masa akan datang.”



Beginilah muslimin sekalian, contoh tokoh Islam yang menguasai ilmu Al-Quran terlebih dahulu sebelum menceburi bidang sains dan teknikal. Kita mahu melahirkan generasi sebeginit yang bukan sahaja memiliki kepakaran dalam bidang teknikal tetapi juga menguasai ilmu agama.

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Sesuatu yang amat menyedihkan apabila umat Islam kini semakin tidak berminat dengan aliran sains dan teknologi. Menurut portal Utusan Malaysia bertarikh 9 Oktober 2021, laporan Kementerian Pendidikan pada 2020 menunjukkan jumlah pelajar yang mengambil bidang sains dan teknologi di peringkat menengah atas hanyalah 47% berbanding sasaran 60%. Manakala di peringkat IPT, hanya 37% yang berminat meneruskan pengajian dalam aliran sains dan teknologi. Statistik Kementerian Pendidikan juga menunjukkan pelajar mengambil STEM menurun setiap tahun. Jika keadaan ini berterusan, negara akan ketandusan tenaga mahir tempatan dan terpaksa bergantung kepada tenaga asing.

Oleh yang demikian, ibu bapa berperanan untuk memberi galakan kepada anak-anak menceburi bidang sains dan teknologi dan mengikis persepsi bahawa bidang ini susah untuk dipelajari. Begitu juga, komuniti masyarakat yang boleh menyediakan pusat tuisyen masyarakat yang memberi fokus kepada subjek berkaitan sains dan teknologi secara percuma kepada anak tempatan. Pada masa yang sama, tanpa ketepikan pembelajaran Al-Quran yang sangat penting.

### **SIDANG JUMAAT SEKALIAN,**



Mengakhiri khutbah pada minggu ini, khatib ingin menyampaikan beberapa saranan seperti berikut:

1. Kemajuan sains dan teknologi yang ingin diterokai mestilah berasaskan tauhid kepada Allah dan berpandukan Al-Quran dan sunnah.
2. Warga yang bekerja di bidang teknikal hendaklah meningkatkan ilmu dan kepakaran masing-masing agar dapat terus menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.
3. Pembelajaran Al-Quran perlu diberikan penekanan selain daripada ilmu sains dan teknologi.
4. Ibu bapa dan masyarakat perlu berganding bahu menggalakkan anak-anak mengambil aliran sains dan teknologi agar lahir generasi yang dapat membangunkan negara yang maju, kuat dan berdaulat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِلَيْكُمْ بِالْبِيَّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُولَمُ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا

الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْتَفِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرَسُولُهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ

قوٰئیٰ عَزِیزٰ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengutus para rasul Kami dengan bukti-bukti yang nyata dan Kami turunkan bersama-sama mereka kitab suci



*dan keterangan yang menjadi neraca keadilan agar manusia dapat berlaku adil. Kami menjadikan besi mempunyai kekuatan yang hebat dan banyak manfaat bagi manusia. (Dijadikan besi sebegitu supaya manusia menggunakan faedahnya itu dalam kehidupan sehari-hari mereka) dan agar Allah mengetahui orang yang (menggunakan kekuatan dan kehandalannya itu untuk) menegakkan dan mempertahankan agama Allah dan para rasulnya walaupun (Allah) tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”*

﴿Surah al-Hadid: 25﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَّاً كُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ  
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan November

2023M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْإِلَهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَائِنِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًّا إِلَى رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَّدَ خَلْقَهُ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،  
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيًّا حَكِيمًا  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتَهُ، يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ⑤

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بِالْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَّاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعْهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرِمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.



Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkannya sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah ﷺ menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khasnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ أَذِلِّ الشُّرَكَ وَالْمُشْرِكِينَ، اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَتَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلِسْطِينِ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

Ya Allah! Muliakan Islam dan orang Islam. Ya Allah! Hinakan Syirik dan musyrikin. Ya Allah! Berilah pertolongan kepada saudara-saudara kami yang muslim, para mujahidin dan golongan-golongan yang lemah di Palestine dan juga di semua tempat dan setiap ketika.”

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَئِمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزْرَاءَنَا وَوُلَادَةَ أُمُورَنَا.  
اللَّهُمَّ وَفَقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزٌّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُضْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهَمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli



Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذِلِكَ صَاحِبُ الْفَخَامَةُ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً  
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*

**رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.**



عِبَادَ اللَّهَ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَدِكُرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٧﴾

دبياًءي:



زَكَاةٌ فُولَوْ فِينُخ

دتربيتكن:



جابتَنْ حَالِ إِحْوَالِ اَكَامِ اسْلام

فُولَوْ فِينُخ

